



# JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

## TEKS KHUTBAH

Tajuk:

**HAKIKAT CINTA RASUL ﷺ**

Tarikh Dibaca:

**13 RABIULAWAL 1445H/  
29 SEPTEMBER 2023M**

Disediakan oleh:

**Jabatan Kemajuan Islam Malaysia**



إِذْقُوا طَعْمَ الْإِسْلَامِ  
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

## HAKIKAT CINTA RASUL ﷺ

29 SEPTEMBER 2023 / 13 RABIULAWAL 1445H

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

﴿أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ﴾

لَقَدْ جَاءَكُمْ رَسُولٌ مِنْ أَنْفُسِكُمْ عَزِيزٌ عَلَيْهِ مَا عَنِتُّمْ حَرِيصٌ عَلَيْكُمْ بِالْمُؤْمِنِينَ رَءُوفٌ رَحِيمٌ ﴿التوبة: ١٢٨﴾

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ دَعَا بِدَعْوَتِهِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

### SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Bertakwalah kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Perbanyakkan berselawat ke atas Nabi Muhammad SAW. Mudah-mudahan kehidupan kita sentiasa dalam naungan Allah SWT. Khatib mengingatkan para jemaah agar memberi sepenuh perhatian kepada khutbah yang akan disampaikan dan tidak melakukan perkara-perkara yang lagha seperti menggunakan telefon dan berbual-bual. Tumpukan perhatian pada khutbah yang akan disampaikan, mudah-mudahan kita semua mendapat hidayah dan taufiq dari Allah SWT. Mimbar pada hari ini akan membicarakan khutbah bertajuk: “**Hakikat Cinta Rasul ﷺ**”.

**SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,**

Kini kita berada di bulan Rabiulawal iaitu bulan kelahiran insan teragung pernah tercipta. Saidatina Aminah telah melahirkannya di hening pagi Isnin 12 Rabiulawal, pembawa berita gembira dan rahmat untuk sekalian alam iaitu Nabi Muhammad bin Abdullah bin Abdul Muttalib, SAW.

Berita kelahiran Nabi Muhammad SAW telah dirakam dalam al-Quran al-Karim sebagaimana telah khatib bacakan pada awal khutbah tadi yang bermaksud:

*“Sesungguhnya telah datang kepada kamu seorang Rasul dari golongan kamu sendiri (iaitu Nabi Muhammad SAW), yang menjadi sangat berat kepadanya sebarang kesusahan yang ditanggung oleh kamu, yang sangat inginkan kebaikan bagi kamu, (dan) dia pula menumpahkan perasaan belas serta kasih sayangnya kepada orang-orang yang beriman”.* **(Surah al-Taubah ayat 128)**

Pada firman Allah SWT ini, jelas bahawa kelahiran Nabi SAW merupakan nikmat terbesar kepada manusia sejagat. Baginda telah diutuskan daripada kalangan manusia, dan berbangsa Arab supaya manusia dapat mengikuti jejak langkah dan memahami risalah yang disampaikannya. Tambahan lagi, Baginda seorang yang amat pengasih kepada kita dan bersedih dengan kesusahan yang menimpa kita.

Demikianlah cinta Rasul SAW terhadap kita umatnya.

**SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,**

Mencintai Nabi SAW merupakan salah satu tonggak keimanan kepada Nabi Utusan Allah.

Hal ini sebagaimana dalam sabdanya:

فَوَالَّذِي نَفْسِي بِيَدِهِ لَا يُؤْمِنُ أَحَدُكُمْ حَتَّىٰ أَكُونَ أَحَبَّ إِلَيْهِ مِنْ وَالِدِهِ وَوَلَدِهِ

**Maksudnya:** *“Demi jiwaku yang berada dalam genggamannya, Tidak sempurna iman seseorang kamu sehingga aku (Rasulullah SAW) lebih kamu cinta daripada orang tuanya dan anaknya”.* **(Hadis riwayat Imam al-Bukhari)**

Untuk menambah kecintaan umat kepada Rasulullah SAW, para salafussoleh semenjak kurun kelima dan keenam hijrah telah menganjurkan sambutan Maulidurrasul, dengan

melakukan amal soleh berupa jamuan makan, membaca al-Quran dan berzikir serta memuji-muji Nabi SAW melalui syair dan puisi yang menggambarkan perihal kemuliaan Nabi SAW.

Dalam hubungan ini, al-Hafiz Ibn Hajar mengharuskan sambutan Maulidurrasul dengan berhujahkan pada perbuatan Nabi SAW yang berpuasa pada hari Isnin dan Baginda juga berpuasa pada hari Asyura kerana bersyukur Nabi Musa diselamatkan oleh Allah daripada Firaun. Para ulama' lain seperti al-Suyuthi, Ibn Jauzi, Ibn Kathir dan lain-lainnya menyenaraikan begitu banyak hujah keharusan dan menggalakkan umat Islam menyambut kelahiran Nabi SAW. Justeru, Imam al-Qastalani menukilkan daripada Imam Jazari, bahawasanya mereka yang menyambut Maulidurrasul akan mendapat ketenangan yang berpanjangan dan menggerunkan hati orang yang tidak beriman.

#### **SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,**

Nabi SAW diciptakan dengan penuh kesempurnaan serta keindahan pada diri dan akhlak Baginda. Kesempurnaan akhlak Nabi SAW telah ditegaskan oleh al-Quran sebagaimana firman Allah SWT:

وَأَنَّكَ لَعَلَىٰ خُلُقٍ عَظِيمٍ ﴿٤﴾

**Maksudnya:** *“Dan bahawa sesungguhnya engkau mempunyai akhlak yang amat mulia”.*  
**(Surah al-Qalam:4)**

Dalam hubungan ini juga, Nabi SAW telah bersabda:

إِنَّمَا بُعِثْتُ لِأَتَمِّمَ مَكَارِمَ الْأَخْلَاقِ

**Maksudnya:** *“Sesungguhnya aku diutuskan untuk menyempurnakan akhlak”.* **(Hadis riwayat Imam al-Baihaqi)**

Justeru, khatib ingin mengambil kesempatan pada hari yang mulia ini untuk mengingatkan kaum Muslimin sekalian agar kita meningkatkan kecintaan kepada Rasulullah dan seterusnya menzahirkan kecintaan kepada Nabi SAW tersebut dengan meningkatkan penghayatan terhadap akhlak baginda yang mulia.

Sesungguhnya banyak akhlak mulia Rasulullah yang mesti kita terapkan dalam kehidupan kita selaku seorang Muslim pada hari ini. Antara akhlak mulia tersebut ialah agar kita bersama-sama 'mentakzim' atau mengagungkan atau memuliakan umat Nabi Muhammad SAW.

Dalam hubungan ini, maksud 'mentakzim' umat Nabi Muhammad SAW boleh difahami sebagai amalan dan tindakan bersegera bagi menjaga kebajikan mereka dan seterusnya menyatu padu dan mengharmonikan sesama umat Islam. Mentakzim umat Nabi Muhammad SAW juga bererti kita umat Islam mesti saling memelihara dan menjaga maruah dan harta benda mereka.

Tanggungjawab memuliakan umat Nabi Muhammad SAW telah terzahir pada sabda Baginda SAW yang berbunyi:

اجْتَنِبُوا السَّبْعَ الْمُؤْبَقَاتِ قَالُوا يَا رَسُولَ اللَّهِ وَمَا هُنَّ قَالَ الشِّرْكَ بِاللَّهِ وَالسِّحْرُ وَقَتْلُ  
النَّفْسِ الَّتِي حَرَّمَ اللَّهُ إِلَّا بِالْحَقِّ وَأَكْلُ الرِّبَا وَأَكْلُ مَالِ الْيَتِيمِ وَالتَّوَيُّ يَوْمَ الزَّحْفِ  
وَقَذْفُ الْمُحْصَنَاتِ الْمُؤْمِنَاتِ الْغَافِلَاتِ

**Maksudnya:** "Jauhilah tujuh perkara yang membinasakan. Lalu para sahabat bertanya: Apakah perkara-perkara tersebut wahai Rasulullah? Baginda bersabda: Syirik kepada Allah, sihir, membunuh jiwa yang Allah haramkan melainkan dengan adanya hak, makan riba, makan harta anak yatim, berpaling dari medan perang, dan menuduh wanita yang telah berkahwin yang beriman melakukan zina yakni qazaf". **(Hadis riwayat Imam al-Bukhari dan Muslim)**

#### **SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,**

Bersempena dengan sambutan hari Kelahiran Rasulullah SAW pada tahun ini, Khatib ingin mengajak diri dan seluruh umat Islam untuk bersama-sama meningkatkan kualiti akhlak yang mulia dan menjadikan Nabi Muhammad SAW suri teladan terbaik.

Bagi tujuan itu juga, kita selaku umat yang berkeperibadian mulia mesti menjauhi diri dari terlibat dengan amalan-amalan yang bersifat keji dan mungkar sama ada dalam bentuk

lisan dan perbuatan yang akan merendahkan kemuliaan diri kita selaku umat Nabi Muhammad SAW. Di dunia yang serba canggih pada hari ini, marilah kita menjauhkan diri dari perbuatan yang boleh menimbulkan fitnah sesama umat Islam, tuduh menuduh secara melulu dengan mengatakan sesat dan kufur ke atas orang Islam, mencaci-maki sehingga boleh terjebak dalam perbuatan jenayah qazaf yang amat berat dosa dan hukuman di sisi Allah SWT.

Firman Allah SWT:

إِنَّ الَّذِينَ يُحِبُّونَ أَنْ تَشِيعَ الْفَاحِشَةُ فِي الَّذِينَ آمَنُوا لَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ  
وَاللَّهُ يَعْلَمُ وَأَنْتُمْ لَا تَعْلَمُونَ ﴿١٩﴾

**Maksudnya:** “*Sesungguhnya orang-orang yang suka menghebah tuduhan-tuduhan yang keji ke atas orang-orang yang beriman, mereka akan beroleh azab seksa yang tidak terperi sakitnya di dunia dan di akhirat; dan (ingatlah) Allah mengetahui (segala perkara) sedang kamu tidak mengetahui (yang demikian)*”. (Surah al-Nur ayat 19)

Bagi mengakhiri khutbah, khatib ingin mengajak:

**Pertama:** Marilah kita menzahirkan kegembiraan di atas kelahiran Baginda Nabi Muhammad SAW.

**Kedua:** Sambutan Maulidur Rasul adalah manifestasi cinta seseorang kepada Nabi SAW dan mampu mengukuhkan keimanan kepada Baginda Nabi SAW

**Ketiga:** Marilah kita mengikut suri tauladan Baginda supaya terzahir hakikat cinta sebenar kepada Rasulullah SAW dengan menyatupadukan umat baginda SAW.

Renungkan firman Allah SWT:

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِّمَن كَانَ يَرْجُوا اللَّهَ وَالْيَوْمَ الْآخِرَ وَذَكَرَ اللَّهَ كَثِيرًا



**Maksudnya:** “*Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik, iaitu bagi orang yang sentiasa mengharap (keredhaan) Allah dan*

(balasan baik) hari akhirat, serta ia pula menyebut dan mengingati Allah banyak-banyak (dalam masa susah dan senang)”. (Surah al-Ahzab ayat 21)

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ،  
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي  
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ،  
فَأَسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمْرُكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ، أَمْرُكُمْ بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى

النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

اللَّهِمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مُجِيدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنْ التَّابِعِينَ وَتَابِعِي التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضَ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. اللَّهُمَّ أَيْدٍ بَدْوَامِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ وَالصَّحَّةِ وَالسَّلَامَةِ جَلَالَةَ مَلَكْنَا كَبَاوَهُ دَوْلِي يَغْ مَا مَوْلِيَا سَرِي قُدُوكْ بَكِينِدَا يَغْ دَفْرَتَوَانِ اكَوْغْ، السُّلْطَانَ عَبْدَ اللَّهِ رِعَايَةَ الدِّينِ الْمُصْطَفَى بِاللَّهِ شَاهِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانَ حَاجِ أَحْمَدِ شَاهِ الْمُسْتَعِينِ بِاللَّهِ.

وَكَذَلِكَ كَبَاوَهُ دَوْلِي يَغْ مَا مَوْلِيَا سَرِي قُدُوكْ بَكِينِدَا رَاجِ فَرْمَايسُورِي اكَوْغْ، تُونُوكُو عَزِيْزُهُ أَمِيْنُهُ مِيْمُونُهُ إِسْكَندَرِيْهُ بِنْتِ الْمَرْحُومِ الْمُتَوَكَّلِ عَلَى اللَّهِ سُلْطَانَ إِسْكَندَرِ الْحَاجِّ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ عُلَمَاءَهُ وَوُزَرَءَهُ وَقَضَاتَهُ وَعُمَّالَهُ وَرِعَايَاهُ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.



اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيزِيَا آمِنًا مُطْمَئِنًّا، سَخَاءَ رِخَاءٍ، دَارَ عَدْلِ وَإِيمَانٍ، وَأَمْنٍ وَأَمَانٍ،  
 وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ.  
 اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَأَنْصُرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ،  
 وَاخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.  
 اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْغَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمُنْكَرَ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا  
 وَمَا بَطَنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.  
 اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجُدَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ، يَا أَرْحَمَ  
 الرَّاحِمِينَ.

Ya Allah! Dengan sifat-Mu Yang Maha Pemurah dan Maha Mendengar! Engkaulah yang Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu. Kami hamba-Mu yang lemah, merayu agar Engkau ampunkan segala dosa yang telah kami lakukan. Ya Allah! Cukupkanlah kami dengan rezeki yang halal dan jauhkanlah kami dari rezeki yang haram. Cukupkanlah kami dengan kurniaan-Mu dari bergantung kepada selain-Mu. Hindarkanlah kami dari sebarang fitnah, bala bencana, wabak penyakit, perbuatan-perbuatan keji dan munkar, seperti rasuah, salah guna kuasa dan hiburan yang melalaikan. Hanya kepada-Mu jua Ya Allah, tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

Ya Allah! Satukanlah kami atas agama-Mu dan hindarkan kami dari perselisihan serta perpecahan yang berpanjangan. Jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang *istiqamah* mendirikan solat secara berjemaah serta tekun mengimarahkan masjid. Sesungguhnya hanya kepada-Mu jua Ya Allah, doa kami mohon diperkenan dan diterima.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.  
 عِبَادَ اللَّهِ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ  
 يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾  
 فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ  
 وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.